

01 DEC 2002

Najib-Pemilih

UMNO JOHOR PERLU AKTIF DAFTAR ANGGOTA YANG LAYAK MENGUNDI

JOHOR BAHRU, 1 Dis (Bernama) -- Umno negeri Johor perlu bergiat lebih aktif bagi memastikan anggota parti itu yang berusia 21 tahun dan ke atas mendaftar sebagai pengundi, kata Pengerusi Biro Keahlian Pendaftaran Pemilih Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata usaha mendaftarkan anggota parti sebagai pengundi amat penting sebab ia dapat menentukan kedudukan parti dalam pilihan raya kelak.

"Mengikut data Umno, Johor mempunyai seramai 80,341 anggota parti yang belum mendaftar sebagai pemilih tetapi sudah cukup umur 21 tahun," katanya kepada pemberita selepas majlis kempen dan taklimat pendaftaran dan penyemakan pemilih Umno negeri Johor di Kompleks Islam, di sini petang tadi.

Sehubungan itu beliau yang juga Naib Presiden Umno meminta semua ketua Umno bahagian agar mencari pendekatan untuk memastikan anggota parti yang layak mengundi didaftarkan segera sebagai pengundi.

"Data Umno juga mendapati ada bahagian Umno di negeri ini yang mempunyai bilangan terbesar anggota berusia 21 tahun tetapi tidak mendaftar sebagai pengundi iaitu berjumlah 5,668 orang, manakala pada bahagian terkecil ialah seramai 2,195 orang," katanya.

Katanya, sejak Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak lima bulan lepas, Umno Johor berjaya mendaftarkan sebanyak 5,600 anggotanya sebagai pemilih.

Namun jumlah tersebut masih dianggap kecil berbanding negeri lain seperti Kedah, Terengganu dan Pahang, katanya.

Najib berkata Umno juga perlu memastikan senarai daftar pemilihnya bersih dan lengkap seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di samping tidak mengamalkan taktik kotor seperti yang diamalkan oleh parti pembangkang dengan memindahkan pemilih.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata perlu ada satu jawatankuasa khusus di semua peringkat bagi memantau perkembangan penyemakan undian dan perbezaan jumlah majoriti mereka yang bertanding.

Langkah itu perlu dijadikan agenda tetap bagi memastikan trend calon-calon Umno yang kalah dengan majoriti kecil dapat ditangani segera, katanya.

Sementara itu Pengerusi Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata agenda kerja bagi menghadapi persiapan pilihan raya depan amat penting dengan memerlukan perancangan rapi dan penglibatan semua pihak.

-- BERNAMA

RAM RAM HM